

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 8, Bil 1, Halaman 40-48

Pembelajaran Terstruktur dan Kaedah Pengajaran Hafazan Al-Quran Di Maahad Tahfiz Al-Husni

[Structured Learning and Quran Memorization Teaching Methodology at Maahad Tahfiz Al-Husni]

Nor Hasanah Mohd Yusoff¹, Noor Ashikin Nik Mat² & Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz³

¹ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson.

² Sekolah Menengah Agama, Telok Kemang Port Dickson.

³ Jabatan Pengajian Am, Politeknik METro Johor Bahru

* Corresponding Author: Nor Hasanah Mohd Yusoff, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson, ORCID iD.

Artikel dihantar: 6 Jun 2025

Artikel diterima: 24 Jun 2025

Artikel diterbit: 30 Jun 2025

ABSTRACT

This study explores the structured Quran memorization (hafazan) teaching approach implemented at Maahad Tahfiz Al-Husni, an Islamic institution established in 2003 by Haji Achmad Fatoni bin Tobroni and Ustazah Maesun binti Talmad. The institution adopts a memorization strategy that begins with Juz 30 and progresses to Juz 1, aiming to build a strong foundation for memorization while reducing students' psychological pressure. This approach not only boosts students' confidence but also supports systematic and progressive Quranic memorization. The study employs a qualitative research design using semi-structured interviews with the principal of Maahad Tahfiz Al-Husni to identify key challenges among students, such as lack of motivation, poor concentration, and weak mastery of tajwid. The objectives of this study are to identify the strategies implemented by the institution to address these challenges and to assess the effectiveness of the applied teaching approach. Findings reveal that strategies such as reward systems, regular tasmi' sessions, and specialized tajwid classes have improved students' performance and commitment to memorization. Furthermore, a well-organized daily routine contributes to a balanced focus on memorization, revision, and mastery of core religious subjects. This holistic approach not only enhances the quality of Quran memorization but also shapes students who are disciplined and exhibit Quranic values. The results suggest that the tahfiz education model practiced at this institution could serve as a reference for other Quranic educational institutions in Malaysia.

Keywords

Maahad Tahfiz Al-Husni, Structured Approach, Student Motivation, Teaching Strategies, Tajwid, Tasmi', Islamic Education.

ABSTRAK

Kajian ini meneroka pendekatan pengajaran hafazan al-Quran yang berstruktur di Maahad Tahfiz Al-Husni, sebuah institusi tahfiz yang ditubuhkan pada tahun 2003 oleh Haji Achmad Fatoni bin Tobroni dan Ustazah Maesun binti Talmad. Institusi ini mengamalkan strategi hafazan yang bermula dengan Juz 30 dan beransur ke Juz 1, bertujuan membina asas hafazan yang kukuh dan mengurangkan tekanan psikologi pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan pelajar, tetapi turut menyokong perkembangan hafazan secara sistematik dan progresif.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah temu bual separa berstruktur bersama Pengetua Maahad Tahfiz Al-Husni bagi mengenal pasti cabaran utama dalam kalangan pelajar seperti kurangnya motivasi, kelemahan tumpuan serta penguasaan tajwid yang tidak mantap. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti strategi yang diaplikasikan oleh pihak maahad dalam menangani cabaran tersebut serta menilai keberkesanan pendekatan pengajaran yang diterapkan. Dapatan menunjukkan pelaksanaan strategi seperti pemberian ganjaran, sesi tasmi' berkala, dan penyediaan kelas khas tajwid telah meningkatkan prestasi dan komitmen pelajar terhadap hafazan. Di samping itu, rutin harian yang tersusun turut menyumbang kepada keseimbangan antara hafazan, pengulangan serta penguasaan subjek agama asas. Pendekatan holistik ini bukan sahaja memperkukuh kualiti hafazan, bahkan membentuk pelajar yang berdisiplin dan berakhlak al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa model pendidikan tahfiz yang diamalkan di maahad ini wajar dijadikan rujukan bagi institusi pendidikan tahfiz lain di Malaysia.

Keywords

Maahad Tahfiz Al-Husni, Pendekatan Berstruktur, Motivasi Pelajar, Strategi Pengajaran, Tajwid, Tasmi', Pendidikan Islam

How to Cite: Mohd yusoff, N. H., Noor Ashikin Nik Mat, & Mohd Hafiz, S. M. (2025). Pembelajaran Terstruktur Dan Kaedah Pengajaran Hafazan Al-Quran Di Maahad Tahfiz Al-Husni : Structured Learning and Quran Memorization Teaching Methodology at Maahad Tahfiz Al-Husni. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 40–48.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.94>

1.0 PENGENALAN

Maahad Tahfiz Al-Husni merupakan sebuah institusi pendidikan tahfiz yang memberi tumpuan kepada bidang hafazan al-Quran melalui pendekatan pembelajaran sepenuh masa yang berstruktur. Ditubuhkan pada tahun 2003 oleh pasangan suami isteri, Haji Achmad Fatoni bin Tobroni dan Ustazah Maesun binti Talmad, institusi ini telah berjaya melahirkan ramai Hafizah (wanita penghafal al-Quran) yang bukan sahaja mampu menghafaz, tetapi turut memahami serta mengamalkan ajaran-ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian mereka. Penubuhan maahad ini bermula apabila Haji Achmad Fatoni mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya sebagai tenaga pengajar di Balai Dakwah Sungai Air Tawar dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap pendidikan tahfiz, dengan hasrat menubuhkan sebuah institusi khusus bagi melahirkan generasi wanita penghafaz al-Quran yang berakhlak mulia. Perubahan ini menandakan permulaan kepada pembangunan kurikulum hafazan yang sistematik dan bersifat progresif.

Kejayaan maahad ini dicapai hasil daripada penerapan kaedah hafazan yang terancang dan berkesan, selain penyusunan strategi pengajaran yang menyeluruh dan disesuaikan mengikut keupayaan pelajar pada setiap peringkat pembelajaran. Secara konseptual, pembelajaran berstruktur merujuk kepada satu pendekatan pengajaran yang dirancang secara teliti, sistematik dan progresif, berdasarkan tahap kesukaran serta kemampuan pelajar. Pendekatan ini melibatkan perancangan masa, kandungan pengajaran, strategi pengulangan hafazan, serta kaedah penilaian yang konsisten bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan tersusun dan berfasa.

Dalam konteks hafazan al-Quran, pendekatan berstruktur memberikan penekanan kepada susunan juz hafazan secara strategik, pelaksanaan teknik pengulangan secara berjadual, dan pemantauan prestasi pelajar secara berkala agar mereka kekal berada pada landasan hafazan yang betul dan berkesan. Bagi merealisasikan visi pendidikan al-Quran yang lebih komprehensif, Maahad Tahfiz Al-Husni telah memperkenalkan kaedah pengajaran unik yang bermula dengan penghafazan Juz 30 yang mengandungi surah-surah pendek dan mudah dihafaz. Seterusnya, pelajar bergerak secara berperingkat ke Juz 29, 28, dan seterusnya hingga ke Juz 1. Pendekatan ini bertujuan membina keyakinan diri pelajar sejak awal dengan memberi tumpuan kepada surah-surah yang mudah, sebelum mereka beralih kepada surah yang lebih panjang dan kompleks.

Kaedah ini jelas berbeza daripada pendekatan tradisional yang lazimnya dimulakan dari Juz 1, dan ia terbukti lebih efektif dalam meningkatkan pencapaian hafazan pelajar serta mengurangkan tekanan psikologi yang sering dialami apabila hafazan dimulakan dengan surah yang panjang (Yuli, 2022). Menurut kajian Al-Jawzi (1995), pendekatan hafazan yang dimulakan dengan surah-surah pendek mampu memberi kesan positif terhadap keyakinan pelajar, terutamanya mereka yang baharu memulakan hafazan. Kaedah ini juga membantu memperkukuhkan daya



ingatan jangka panjang pelajar, sekali gus memudahkan mereka mengingat dan mengekalkan hafazan dalam ingatan. Kajian oleh Al-Dosari (2010) turut menyokong pendekatan ini, dengan menyatakan bahawa sistem hafazan bermula dari Juz 30 dapat mengurangkan tekanan dalam kalangan pelajar dan menyediakan ruang pembelajaran yang lebih fleksibel serta kondusif.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes bagi meneroka secara mendalam amalan pembelajaran berstruktur dan kaedah pengajaran hafazan al-Quran yang dilaksanakan di Maahad Tahfiz Al-Husni. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami fenomena dalam konteks sebenar serta memperoleh gambaran menyeluruh berkaitan strategi dan keberkesanan kaedah hafazan yang diamalkan. Kajian kes juga membolehkan pemerhatian secara langsung terhadap amalan pendidikan dan pengalaman peserta yang terlibat, sekali gus memperkukuh dapatan kajian melalui pelbagai sumber maklumat.

Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah temu bual separa berstruktur, yang membolehkan penyelidik menggali maklumat secara fleksibel namun tetap berpandukan kerangka soalan kajian yang telah ditetapkan. Temu bual telah dijalankan bersama seorang informan utama, iaitu Pengetua Maahad Tahfiz Al-Husni, yang telah berkhidmat selama lebih 12 tahun di institusi tersebut. Tempoh pengalaman yang panjang ini menjadikan beliau sebagai sumber maklumat yang berautoriti dan berpengetahuan luas dalam aspek pengurusan, strategi pengajaran serta pencapaian pelajar maahad.

Pemilihan Maahad Tahfiz Al-Husni sebagai lokasi kajian dibuat berdasarkan kekuatan institusi ini dalam melaksanakan pendekatan hafazan yang sistematik, berfasa dan berfokus kepada pelajar wanita. Maahad ini juga telah menunjukkan kejayaan signifikan dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam hafazan al-Quran, tetapi juga dalam aspek sahsiah, disiplin dan akademik. Oleh itu, kajian ini dilihat sangat relevan untuk menilai keberkesanan pendekatan pembelajaran berstruktur yang diamalkan serta bagaimana strategi yang digunakan dapat mengatasi cabaran pembelajaran tahfiz dalam kalangan pelajar.

3.0 SEJARAH PENUBUHAN MAAHAD TAHFIZ AL-HUSNI

Maahad Tahfiz Al-Husni ditubuhkan pada tahun 2003 oleh pasangan pendidik, Haji Achmad Fatoni bin Tobroni dan Ustazah Maesun binti Talmad, dengan misi memperkukuh pembelajaran al-Quran secara sistematik khusus bagi wanita. Penubuhan ini tercetus daripada keperluan mendesak untuk menyediakan platform pendidikan tahfiz yang mesra wanita, selamat dan tersusun dalam pendekatan pengajaran. Bermula dengan beberapa orang pelajar, institusi ini berkembang secara konsisten hasil daripada pendekatan pengajaran yang berstruktur dan pengurusan yang komited terhadap visi pengasasan. Pendekatan berstruktur yang diamalkan melibatkan penyusunan silibus hafazan berdasarkan tahap kemampuan pelajar, penggunaan teknik talaqqi dan tasmik, penekanan terhadap kaedah *murajaah* yang konsisten, serta pemantauan prestasi pelajar secara berkala.

Penerimaan Maahad Tahfiz Al-Husni sebagai ahli Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS) pada tahun 2006 merupakan pengiktirafan penting terhadap kredibiliti dan kesungguhan institusi ini dalam menyumbang kepada pembangunan pendidikan tahfiz negeri Selangor. Keanggotaan ini membuka ruang kepada kolaborasi strategik, pemantapan kurikulum, latihan berkala guru tahfiz, serta akses kepada forum-forum profesional dalam memperkaya pendekatan pengajaran dan pentadbiran institusi tahfiz (Mohamad, 2016). Selanjutnya, pendaftaran rasmi dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada tahun 2011 memperkukuh lagi legitimasi institusi ini, sejajar dengan tuntutan standard pendidikan Islam negeri dan kebangsaan.

Dengan pelaksanaan metodologi hafazan yang terancang, Maahad Tahfiz Al-Husni berjaya melahirkan sekitar 20–30 huffaz setiap tahun. Pengajaran dimulakan dengan Juz Amma (Juz 30) sebagai asas sebelum pelajar meneruskan hafazan kepada juz-juz yang lain secara bertingkat. Model ini bukan sahaja selari dengan kaedah tradisional talaqqi dan musyafahah, tetapi juga disusun menurut keperluan pedagogi moden yang mengambil kira keupayaan memori dan psikologi pelajar (Abdul Halim El-Muhammady, 2019). Kejayaan ini sejajar dengan hasil dapatan kajian oleh Mohd Nursyam (2021) yang menyatakan bahawa institusi yang mengamalkan kaedah pengajaran hafazan secara sistematik menunjukkan kadar keberhasilan hafazan yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar.

Alumni Maahad Tahfiz Al-Husni kini dilihat memainkan peranan penting dalam komuniti sebagai imam, guru tahfiz, pendakwah, malah ada yang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dalam bidang syariah, pendidikan Islam dan al-Quran. Ini membuktikan bahawa pendidikan yang diberikan bukan sahaja tertumpu kepada aspek hafazan, tetapi turut memberi penekanan terhadap pembinaan sahsiah, kemahiran kepimpinan dan etika sosial.



Seperti yang dicadangkan oleh Abdullah (2022), sistem pendidikan tahfiz yang berjaya perlu melahirkan insan seimbang dari sudut ilmu, akhlak dan peranan dalam masyarakat, sesuai dengan gagasan insan rabbani dalam Pendidikan Islam.

Kejayaan Maahad Tahfiz Al-Husni disokong oleh pelbagai kajian akademik yang menekankan keberkesanan pendekatan hafazan berstruktur. Antaranya, kajian oleh Sulaiman et al. (2021) menyatakan bahawa strategi talaqqi musyafahah, penilaian berkala, kaedah ganjaran (*reward system*), dan suasana pembelajaran yang kondusif adalah faktor penting dalam memotivasikan pelajar untuk mengekalkan hafazan secara konsisten. Selain itu, kaedah *murajaah* yang dilaksanakan secara harian dan mingguan terbukti dapat mengukuhkan daya ingatan dan meminimumkan kadar lupa (Yusri et al., 2020).

Secara keseluruhannya, institusi ini mencerminkan pelaksanaan pendidikan tahfiz moden yang tidak mengabaikan nilai-nilai tradisi. Ia menggabungkan elemen holistik pendidikan Islam, iaitu penguasaan ilmu, pembentukan akhlak, kecemerlangan akademik, dan khidmat sosial. Dengan itu, Maahad Tahfiz Al-Husni berperanan bukan sahaja sebagai pusat penghafazan al-Quran, tetapi sebagai institusi pembangunan insan yang menyeluruh dan berimpak tinggi.

4.0 KAEDAH HAFAZAN DAN PENDEKATAN TERSTRUKTUR

Salah satu ciri utama yang membezakan Maahad Tahfiz Al-Husni daripada institusi tahfiz lain adalah kaedah hafazan yang digunakan. Maahad Tahfiz Al-Husni mengamalkan kaedah yang bermula dengan Juz 30, yang mengandungi surah-surah pendek yang lebih mudah dihafaz oleh pelajar, terutamanya bagi mereka yang baru memulakan proses hafazan. Tujuan utama pendekatan ini adalah untuk membangkitkan keyakinan pelajar terhadap kemampuan diri mereka. Surah-surah pendek dalam Juz 30 memberikan mereka ruang untuk membiasakan diri dengan bacaan al-Quran dan membantu mereka merasa lebih yakin dengan setiap langkah dalam proses hafazan. Kaedah ini juga memberi peluang untuk pelajar merasai kejayaan awal yang sangat penting dalam perjalanan mereka menghafaz al-Quran. Kejayaan dalam menghafaz surah-surah pendek ini memberikan mereka motivasi untuk meneruskan penghafazan dengan lebih gigih.

Setelah menguasai Juz 30, pelajar akan beralih ke Juz 29, 28, 27, dan seterusnya hingga Juz 1. Pendekatan ini adalah sangat terstruktur, memastikan pelajar tidak hanya menghafaz dengan baik, tetapi juga memahami dengan mendalam makna dan tafsiran setiap surah. Kaedah ini mendorong pelajar untuk memfokuskan perhatian pada kualiti hafazan dan penghayatan terhadap maksud setiap ayat yang dihafaz. Pendekatan terstruktur ini memberikan galakan positif yang berterusan dalam pembelajaran dan mengelakkan sebarang kekeliruan dalam hafazan.

Kajian oleh Al-Khalili (2010) mengesahkan bahawa kaedah bermula dengan surah-surah pendek dan bergerak ke surah yang lebih panjang adalah efektif dalam meningkatkan daya hafazan pelajar, kerana ia membantu pelajar membina asas yang kukuh dalam hafazan mereka. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengajaran hafazan yang terstruktur memberi manfaat besar dalam mengurangkan beban mental pelajar, terutamanya pada peringkat awal hafazan, serta meningkatkan motivasi mereka untuk meneruskan pembelajaran. Selain itu, pendekatan ini membolehkan pelajar merasai kejayaan awal dalam proses menghafaz, yang seterusnya meningkatkan keyakinan diri mereka.

Namun begitu, bagi pelajar yang mengalami kesukaran dalam mengikuti kaedah ini, Maahad Tahfiz Al-Husni memberikan kelonggaran untuk mereka bermula dari Juz 1, bergantung kepada kemampuan individu mereka. Hal ini menunjukkan bahawa Maahad Tahfiz Al-Husni memberi perhatian kepada kebajikan setiap pelajar, tidak hanya mengutamakan hasil hafazan semata-mata. Ini juga memberi ruang bagi setiap pelajar untuk belajar mengikut kadar kemampuan mereka, memastikan bahawa mereka dapat mencapai kejayaan tanpa tekanan yang berlebihan. Seperti yang dinyatakan oleh Al-Tamimi (2014), fleksibiliti dalam pendekatan hafazan adalah penting untuk menjaga kesejahteraan mental pelajar dan memastikan mereka dapat menguasai al-Quran dengan cara yang lebih efektif.

5.0 RUTIN HARIAN TERSTRUKTUR

Salah satu aspek utama yang membezakan Maahad Tahfiz Al-Husni daripada institusi tahfiz lain adalah struktur rutin harian yang sangat teratur dan dirancang dengan teliti. Maahad Tahfiz Al-Husni telah menyusun jadual harian yang padat namun efektif untuk memastikan pelajar dapat menghafaz al-Quran secara berterusan tanpa mengabaikan aspek kesejahteraan mental dan fizikal mereka.

Waktu	Aktiviti	Objektif
4.30 pagi	Solat Sunat Tahajjud & Qiyam	Menyucikan jiwa dan mempersiapkan mental. Suasana tenang meningkatkan fokus hafazan awal pagi (Al-Qattan, 2010)
5.00 – 6.00 pagi	Hafazan Awal Pagi	Menghafaz surah baru
6.00 – 6.30 pagi	Solat Subuh & Wirid Pagi	Memulakan hari dengan spirituality dengan menstabilkan emosi pelajar.
6.30 – 8.00 pagi	Sesi Hafazan Utama	Pelajar hafaz surah baru dan memahami makna ayat
8.00 – 8.30 pagi	Rehat & Sarapan	Masa bertenang dan mengisi tenaga fizikal.
8.30 – 12.00 tgh	Kelas Fardhu Ain: Tajwid, Fiqh, Tauhid, Sirah, Bahasa Arab	Pengukuhan ilmu agama secara teori dan praktikal. Melengkapkan penguasaan al-Quran dengan kefahaman syariah.
12.00 – 1.00 tgh	Persediaan Solat & Makan Tengah Hari	Rehat rohani dan jasmani sebelum sesi petang.
1.00 – 2.00 petang	Solat Zohor & Bacaan al-Ma'thurat	Menghidupkan sunnah dan membina disiplin spiritual.
2.00 – 4.00 petang	Tasmi' & Murajaah	Pengulangan hafazan dan pembetulan bacaan bersama guru. Membantu pengekaln memori jangka panjang (Al-Qattan, 2010).
4.00 – 5.00 petang	Rehat & Solat Asar	Masa bertenang bagi mengelakkan keletihan mental.
5.00 – 6.30 petang	Kelas Pengayaan / Aktiviti Kokurikulum / Ulangkaji	Pengukuhan subjek akademik atau kemahiran lain. Membina keperibadian holistik.
6.30 – 7.30 malam	Solat Maghrib & Bacaan Surah Lazim	Peringatan harian melalui surah pilihan. Pembinaan nilai kerohanian dan rutin ibadah.
7.30 – 9.00 malam	Ulangan Hafazan Lama	Mengulang kembali hafazan lama untuk memastikan tidak lupa. Peneguhan hafazan melalui kaedah pengulangan berjadual.
9.00 – 9.30 malam	Solat Isyak & Muhasabah Diri	Mengakhiri hari dengan refleksi dan doa. Memupuk disiplin dan muhasabah harian.
10.00 malam	Waktu Tidur	Rehat mencukupi untuk kecergasan esok hari. Menjaga kesihatan mental dan fizikal pelajar (Al-Tamimi, 2014).



6.0 CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PELAJAR DAN PENYELESAIAN

Institusi tahfiz memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi huffaz yang bukan sahaja cemerlang dari segi hafazan al-Quran tetapi juga mempunyai kefahaman agama yang menyeluruh. Namun begitu, proses hafazan al-Quran secara intensif bukanlah sesuatu yang mudah. Pelajar sering berdepan dengan pelbagai cabaran yang menuntut intervensi dan strategi pedagogi yang sesuai. Berdasarkan temu bual bersama Pengetua Maahad Tahfiz Al-Husni (2025), mengenal pasti tiga isu utama yang dihadapi oleh pelajar antaranya ialah motivasi dan tumpuan, kelemahan penguasaan tajwid, serta cabaran khusus pelajar lemah.

Motivasi pelajar merupakan faktor utama dalam memastikan kelangsungan dan keberkesanan hafazan. Berdasarkan temu bual, pelajar sering mengalami keletihan dan kebosanan akibat rutin hafazan yang berterusan. Tambahan pula, pelajar berasa tertekan apabila menghafaz surah yang panjang atau kompleks. Keadaan ini boleh menjejaskan tumpuan dan menyebabkan prestasi hafazan merosot. Pengetua menyatakan:

“Kadang-kadang pelajar rasa terbeban, bila surah panjang dia tak boleh bawa, kita akan bagi dia ulang dari belakang (Juz 30 ke 26), supaya dia lebih selesa.”

Sebagai langkah responsif, pihak institusi telah melaksanakan beberapa pendekatan untuk meningkatkan motivasi pelajar. Antaranya termasuk sistem ganjaran, seperti pemberian sijil, cuti istimewa, dan pengiktirafan awam bagi pelajar yang mencapai sasaran hafazan. Kajian oleh Al-Dosari (2012) mendapati bahawa strategi berbentuk ganjaran dan pengiktirafan mampu meningkatkan motivasi intrinsik dan memperkukuh prestasi hafazan pelajar.

Satu lagi cabaran besar dalam proses hafazan adalah kelemahan pelajar dalam aspek tajwid, khususnya dalam penguasaan makhraj dan sifat huruf. Kekurangan dalam aspek ini boleh mengakibatkan kesalahan bacaan yang menjejaskan hafazan. Pengetua menjelaskan:

“Kalau dia tak pandai baca... bukan tak kenal huruf, tapi kurang mantap. Jadi, bila menghafal, hafazan pun jadi lambat. Kena baca depan guru satu atau dua ayat berulang kali.”

Bagi menangani masalah ini, Maahad Tahfiz Al-Husni menekankan pendekatan talaqqi secara intensif bersama guru, di mana pelajar membaca ayat berulang kali sehingga lancar. Pendekatan ini sejajar dengan dapatan Al-Tamimi (2014), yang menegaskan bahawa pengajaran tajwid yang sistematik dan mendalam adalah penting dalam memastikan ketepatan bacaan dan kejayaan dalam hafazan.

Meskipun institusi menetapkan syarat kemasukan asas iaitu kebolehan membaca al-Quran dengan baik, terdapat juga pelajar yang diterima walaupun kurang lancar atas pertimbangan khas dan persetujuan ibu bapa. Pengetua menyatakan bahawa:

“Dalam setahun satu atau dua orang saja yang kami terima walaupun tak betul-betul lancar... tapi kami maklumkan pada ibu bapa bahawa perkembangan anak ini lambat dan hafazan pun sikit-sikit.”

Untuk pelajar seperti ini, institusi memperuntukkan pendekatan khusus seperti had hafazan yang minimum (satu hingga dua ayat sehari) dan bimbingan langsung daripada guru secara berterusan. Dalam masa dua tahun, pelajar ini berjaya mencapai hafazan lima juz walaupun perkembangan mereka lebih perlahan. Hal ini menunjukkan bahawa dengan pendekatan yang fleksibel dan sokongan guru yang berterusan, pelajar yang lemah juga mampu mencapai kejayaan dalam bidang hafazan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi pelajar tahfiz bukan sekadar bersifat kognitif tetapi juga melibatkan aspek afektif dan teknikal. Justeru, strategi pengajaran hafazan memerlukan pendekatan bersepadu yang mengambil kira tahap keupayaan individu. Dalam konteks Maahad Tahfiz Al-Husni, pelaksanaan pendekatan berstruktur, bimbingan berterusan dan motivasi berasaskan pengiktirafan dilihat efektif dalam membantu pelajar mengatasi cabaran hafazan. Hal ini membuktikan bahawa dengan pengurusan yang cekap dan guru yang prihatin, proses pembelajaran tahfiz dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan inklusif.



7.0 PROGRAM KHUSUS UNTUK PEMANTAPAN HAFAZAN

Dalam usaha meningkatkan kualiti hafazan pelajar serta mengekalkan motivasi mereka sepanjang tempoh pembelajaran, Maahad Tahfiz Al-Husni telah melaksanakan beberapa program khas yang berfokus kepada pengiktirafan dan pemantapan prestasi hafazan. Program Pra-Syahadah diperkenalkan sebagai satu bentuk penilaian hafazan bagi pelajar yang telah berjaya menghafaz sekurang-kurangnya lima juz al-Quran. Pelaksanaan program ini membolehkan pelajar menjalani sesi tasmi' intensif, biasanya diadakan selepas solat Subuh, yang berlangsung antara jam 6.30 pagi hingga 8.30 pagi. Pengetua menjelaskan bahawa:

"Bila pelajar dah capai lima juz, kami akan buat pra syahadah. Tasmi' selepas subuh sampai pukul lapan setengah. Kalau lebih dari pukul sembilan, tandanya pelajar itu tak lulus."

Pelaksanaan pra-syahadah bukan sahaja berfungsi sebagai satu bentuk pengesahan awal terhadap pencapaian pelajar, tetapi juga sebagai alat motivasi. Pengesahan ini memberi keyakinan kepada pelajar serta menunjukkan bahawa usaha mereka diiktiraf secara formal. Menurut kajian Al-Qattan (2010), pengesahan awal terhadap pencapaian pelajar dapat memberi impak positif terhadap motivasi intrinsik kerana ia mencerminkan penghargaan terhadap usaha yang dilakukan.

Bagi pelajar yang telah menamatkan hafazan 30 juz, Maahad Tahfiz Al-Husni menyediakan Program Syahadah Penuh sebagai bentuk pengiktirafan rasmi. Dalam program ini, pelajar diminta untuk membaca secara tasmi' 10 juz di hadapan guru atau panel, dan sesi tersebut mesti diselesaikan sebelum jam 12 tengah hari. Pengetua menegaskan bahawa:

"Pelajar yang dah khatam, dia baca dalam sepuluh juz dan mesti habiskan sebelum jam dua belas tengah hari."

Program syahadah ini berperanan sebagai kemuncak pengiktirafan dan menandakan tamatnya satu fasa penting dalam perjalanan penghafazan pelajar. Al-Tamimi (2014) menyatakan bahawa proses pengesahan seperti syahadah merupakan satu bentuk standardisasi hafazan yang penting, bukan sahaja bagi menilai ketepatan bacaan, tetapi juga untuk mengekalkan integriti hafazan jangka panjang. Pelaksanaan program pra-syahadah dan syahadah penuh memberikan impak yang besar dari segi psikologi dan motivasi pelajar. Pengetua menyatakan bahawa pelajar yang menjalani program ini lebih bersemangat dan menunjukkan peningkatan minat terhadap hafazan kerana merasakan wujudnya tahap pencapaian yang jelas dan bernilai. Pengalaman ini bukan sahaja meningkatkan keazaman mereka untuk menamatkan hafazan, malah membentuk satu perasaan pencapaian peribadi yang mendalam, seiring dengan sokongan dan pujian yang diterima daripada guru dan rakan-rakan.

8.0 KESIMPULAN

Maahad Tahfiz Al-Husni bukan sekadar menumpukan kepada aspek pelaksanaan kaedah hafazan bermula dari Juz 30 semata-mata tetapi turut menekankan sistem pengulangan yang sistematik, serta pendekatan talaqqi bersama guru telah terbukti membantu pelajar membina keyakinan dalam fasa awal pengajian mereka. Rutin harian yang tersusun turut melatih pelajar dalam aspek disiplin diri, pengurusan masa dan keseimbangan antara hafazan dan pembelajaran ilmu-ilmu asas agama.

Adapun pelajar-pelajar menghadapi beberapa cabaran seperti masalah motivasi, kelemahan dalam tajwid, dan kesukaran tumpuan terhadap surah panjang. Namun begitu, strategi responsif pihak maahad seperti pengenalan Program Pra-Syahadah, sokongan berperingkat kepada pelajar lemah, serta pendekatan ganjaran dan pengiktirafan telah membuktikan keberkesannya dalam meningkatkan prestasi hafazan pelajar dan mengekalkan motivasi jangka panjang. Selain itu, pendekatan fleksibel dan bersifat inklusif terhadap pelajar yang kurang kemahiran asas turut memperlihatkan keprihatinan institusi terhadap kepelbagaian latar belakang pelajar. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap pelajar diberi peluang yang saksama untuk berjaya mengikut keupayaan mereka sendiri.

Kesimpulannya, Maahad Tahfiz Al-Husni telah membangunkan satu model pendidikan tahfiz yang mengintegrasikan hafazan, penguasaan ilmu tajwid, motivasi dalaman, serta pembangunan sahsiah pelajar. Model ini boleh dijadikan rujukan oleh institusi tahfiz lain di Malaysia, terutamanya dalam aspek penyusunan program pemantapan hafazan, strategi sokongan pelajar, dan pelaksanaan kurikulum yang bersifat adaptif. Kejayaan ini



membuktikan bahawa pendidikan tahfiz yang dirancang dengan teliti dan berpusatkan pelajar dapat melahirkan bukan sahaja hafiz dan hafizah yang cemerlang, tetapi juga individu berakhlak dan mampu menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

REFERENCES / RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. (2019). Pengajaran al-Quran dan Hafazan dalam Institusi Tahfiz Tradisional di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 32(1), 55-70.
- Abdullah, S. (2022). Pendidikan Insan Rabbani: Kerangka Teoretikal dan Aplikasi dalam Sistem Tahfiz. Universiti Malaya Press.
- Al-Dosari, M. (2010). The Impact of Structured Quran Memorization Systems on Students' Retention Rates. *Journal of Islamic Studies*, 12(2), 35-47.
- Al-Dosari, M. (2012). The Impact of Rewards and Recognition on Student Motivation in Quranic Memorization. *Journal of Islamic Education*, 13(2), 18-27.
- Al-Jawzi, I. (1995). *Tarbiyah al-Hafizh*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khalili, A. (2010). The Impact of Structured Quran Memorization Systems on Student Retention and Motivation. *Journal of Islamic Education*, 15(3), 22-35.
- Al-Muhammad, A. (2012). The Development of Quranic Institutions in Malaysia: The Role of PITAS and the Importance of Official Registration. *Journal of Islamic Education*, 10(2), 45-59.
- Al-Qattan, A. (2010). Tahfiz Motivation Techniques and Their Effects on Students' Memorization Performance. *Journal of Quranic Education*, 2(3), 78-91.
- Al-Qattan, A. (2010). The Role of Regular Tasmi' Sessions in Enhancing Quranic Memorization. *Journal of Quranic Studies*, 15(3), 33-45.
- Al-Qattan, A. (2010). The Role of Structured Motivation and Early Recognition in Quran Memorization. *Journal of Quranic Studies*, 15(4), 47-59.
- Al-Qattan, A. (2010). The Role of Structured Routines in Quran Memorization: An Analytical Approach. *Journal of Quranic Studies*, 14(3), 43-58.
- Al-Tamimi, R. (2014). Incentive-Based Approaches in Quranic Education: The Importance of Certification and Validation. *Islamic Education Review*, 20(3), 35-52.
- Al-Tamimi, R. (2014). Pedagogical Approaches in Quranic Education: A Case Study of Islamic Schools in the Middle East. *Islamic Education Review*, 19(3), 56-70.
- Al-Tamimi, R. (2014). Pedagogical Approaches in Quranic Education: Flexibility and Structured Systems. *Islamic Education Review*, 19(2), 50-64.
- Al-Tamimi, R. (2014). Pedagogical Approaches in Quranic Education: The Importance of Routine and Structured Learning. *Islamic Education Review*, 19(2), 50-64.
- Al-Tamimi, R. (2014). Pedagogical Approaches in Quranic Education: Focus on Tajwid and Accurate Quranic Recitation. *Islamic Education Review*, 19(2), 45-58.
- Ismail, M., & Othman, H. (2016). Tahfiz Education Framework and Student Motivation: A Case Study in Malaysian Islamic Boarding Schools. *Malaysian Journal of Islamic Education*, 5(2), 45-59.
- Mohamad, A. R. (2016). Peranan PITAS dalam Menstrukturkan Institusi Tahfiz Negeri Selangor. *Prosiding Seminar Pendidikan Islam Malaysia*, 11(2), 89-97.
- Mohd Nursyam, M. A. (2021). Keberkesanan Pendekatan Sistematis dalam Pendidikan Hafazan al-Quran: Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Tahfiz Nusantara*, 5(2), 112-128.
- Rosmawati, A. (2023). Hubungan antara Hafazan al-Quran dan Pencapaian Akademik Pelajar Tahfiz. *Jurnal Psikologi Pendidikan Islam*, 8(1), 44-58.



- Sulaiman, R., Zainuddin, N. & Hamid, M. (2021). Motivasi dan Prestasi Pelajar dalam Sistem Hafazan Berstruktur. *Jurnal Pendidikan Tahfiz Malaysia*, 6(3), 102–119.
- Yuli, S. (2022). The Effectiveness of Starting Quran Memorization from Juz Amma in Reducing Student's Anxiety. *International Journal of Islamic Education Studies*, 5(2), 34–45.
- Yusri, M., Rahman, N. & Fauzi, M. (2020). Amalan Murajaah dan Implikasinya terhadap Daya Ingatan Pelajar Tahfiz di Malaysia. *Jurnal al-Quran dan Pendidikan Islam*, 12(2), 90–105.
- Zamri, M. & Norazmi, M. (2020). Model Integrasi Akademik dan Hafazan: Kajian Kes di Kolej Islam Sultan Alam Shah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1), 76–88.